



**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK HAJI RAMLAN BIN HAJI ASKOLANI**  
**PENGERUSI MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PENYERAHAN BANTUAN PENTADBIRAN KEPADA PERSATUAN  
SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2021  
&  
SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE-64**

**26 Ogos 2021 | 10 PAGI |  
Google Meet**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera  
Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

Yang Berusaha,  
Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri  
Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Yang Dihormati  
Ahli Majlis

Pegawai dan kakitangan MSWP

Semua wakil persatuan dan jurulatih yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah s.w.t kerana kita dapat bersama-sama di dalam Penyerahan Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan tahun 2021 dan juga Sambutan Hari Kemerdekaan ke-64 yang bakal diadakan secara sederhana dalam norma yang baharu.

Memandangkan situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara ketika ini, saya tidak dapat bertemu secara langsung dengan penggiat-penggiat sukan dan wakil-wakil persatuan sukan yang bertanggungjawab membantu meningkatkan kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mengekalkan komitmen terhadap pembangunan atlet di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Oleh kerana itu, Majlis Penyerahan Bantuan Pentadbiran kekal diadakan meski diadakan secara *online*.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

MSWP sentiasa peka terhadap kesukaran yang terpaksa dihadapi atlet, jurulatih mahupun persatuan sukan dalam berdepan dengan tempoh sukar yang dihadapi semua dalam berdepan pandemik Covid-19 ketika ini apatah lagi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung.

Elaun atlet dan jurulatih turut diteruskan sepanjang PKP berlangsung dengan perbelanjaan lebih kurang RM300,000 pada setiap bulan.

MSWP juga menerusi kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan dan juga Perbadanan Labuan turut menyalurkan Bantuan Bakal Rezeki dan Bakul Bantuan Kit Makanan kepada atlet dan jurulatih yang kebanyakannya tergolong dalam keluarga berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang diharap sedikit sebanyak meringankan beban mereka yang terkesan.

Untuk persediaan menghadapi pembukaan sektor sukan pula, MSWP mengadakan Program Vaksinisasi Kepada Atlet dan Jurulatih Wilayah Persekutuan turut dilaksanakan dengan kini hampir keseluruhan atlet berumur 18 tahun ke atas sudah divaksinisasi.

Program ini adalah penting bagi memastikan atlet dan jurulatih di Wilayah Persekutuan dilindungi dan secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada imuniti kelompok seperti yang disasarkan kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada tahun ini, sejumlah RM378,000 bantuan pentadbiran telah diluluskan bagi diberikan kepada 92 persatuan sukan di Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur dalam membantu perjalanan pentadbiran persatuan sukan.

Pemilihan 92 persatuan sukan ini dibuat berdasarkan penyenaian sukan terbabit dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2022 dan juga persatuan sukan serta kelab sukan yang membantu dalam program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

Pemberian bantuan pentadbiran ini juga sebahagian dalam usaha untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat terutama ketika berlakunya pandemik Covid-19.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-64 yang akan berlangsung tidak lama lagi, saya ingin berkongsi petikan mutiara kata oleh Perdana Menteri Malaysia pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang juga Bapa Kemerdekaan Malaysia:

**"Merdeka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapati, melainkan ialah dikehendaki untuk mendapatkannya itu iaitu pengorbanan yang sebenar pengorbanan.**

**"Dengan kerananya kita terpaksa mengorbankan, bukan sahaja wang ringgit dan usaha tenaga bahkan jiwa kita sendiri juga."**

Mutiara kata itu diharap dapat sama-sama kita hayati dan menjadi peringatan buat semua tidak kira dalam situasi apa pun dalam memahami erti sebenar pengorbanan demi sebuah kemerdekaan.

Dalam situasi ini dalam berjuang melawan pandemik Covid-19, apakah perjuangan kita sudah mencukupi? Sebagai rakyat Malaysia dalam negara berbilang bangsa, kita boleh memainkan peranan masing-masing dalam membantu memerangi pandemik ini secara bersama.

Selain mengambil suntikan vaksin, saya yakin semua kakitangan, atlet, pegawai, jurulatih malahan persatuan sukan di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan terus mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) walau di mana juga berada bagi membantu penularan pandemik ini.

Pengorbanan kita dalam mematuhi segala SOP ini akan hanya berhasil jika setiap seorang daripada kita memainkan peranan masing-masing dalam usaha menurunkan kadar jangkitan Covid-19 dan dapat kembali menjalani rutin harian seperti biasa.

Semoga perjuangan kita dalam berdepan dengan menghadapi pandemik Covid-19 ini terus berhasil dan kita akan memperoleh kemerdekaan dalam erti kata sebenar.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Penyerahan Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan Tahun 2021 & Sambutan Kemerdekaan ke-64

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke-64! Malaysia Prihatin!

Sekian, terima kasih.